

**PELAKSANAAN AMALAN SUNAT DAN HUBUNGANNYA DENGAN
KECEMERLANGAN SAHSIAH PELAJAR TAHFIZ DI SELANGOR
THE PERFORMANCE OF SUNNAH PRACTICE AND ITS RELATIONSHIP
WITH PERSONALITY EXCELLENCE OF TAHFIZ STUDENTS**Sharifah Noorhidayah Syed Aziz^{1*}, Khairul Anwar @ Johari Mastor² dan Izuli Dzulkifli³¹Calon PhD Universiti Kebangsaan Malaysia/ Pensyarah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
sh.noorhidayah@kuis.edu.my² Professor, Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, kam2000@ukm.edu.my³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, izuli@ukm.edu.my

* Penulis Penghubung :

Artikel diterima: 04 April 2021

| Selepas Pembetulan: 09 Mei 2021

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2021

ABSTRAK

Sahsiah yang baik menggambarkan kemenjadian pelajar tahfiz. Kecemerlangan pelajar tahfiz bukan hanya dilihat pada kecemerlangan akademik dan hafazan sahaja, tetapi kecemerlangan sahsiah juga diberi keutamaan. Pelajar tahfiz yang cemerlang sahsiah mampu melakukan amalan-amalan sunat tanpa disuruh dan dipaksa. Amalan-amalan sunat seperti melakukan solat sunat, berpuasa sunat, membaca al-Quran, berzikir dan berselawat adalah antara amalan yang mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. Walau bagaimanapun, belum ada kajian khusus yang meneliti tentang pelaksanaan amalan sunat dalam kalangan pelajar tahfiz. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pelaksanaan amalan sunat dan hubungannya dengan kecemerlangan sahsiah pelajar tahfiz. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan melalui pensampelan rawak berstrata terhadap pelajar tahfiz. Kaedah pengumpulan data adalah melalui teknik perbincangan kumpulan berfokus (FGD) terhadap 64 orang pelajar tahfiz berumur antara 13 hingga 21 tahun. Seterusnya, maklumat perbincangan kumpulan berfokus tersebut dianalisis dan satu set soal selidik dibina, disahkan oleh pakar, diuji rintis, ditambahbaik dan kemudiannya diedarkan kepada 618 orang pelajar tahfiz (PITAS) di Selangor. Data kajian utama dianalisis secara deskriptif dan inferens. Hasil kajian mendapati bahawa tahap amalan sunat pelajar tahfiz adalah pada tahap sederhana dan terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan amalan sunat dan kecemerlangan sahsiah pelajar tahfiz. Oleh yang demikian, amalan sunat yang telah dipupuk dalam diri pelajar tahfiz perlu dipantau secara berterusan dan dilaksanakan secara konsisten. Ia adalah untuk mendidik pelajar tahfiz bahawa amalan sunat yang dilakukan bukan hanya sekadar mematuhi peraturan maahad tetapi perlu lahir dari dalam diri pelajar tahfiz itu sendiri.

Kata Kunci

Amalan Sunat, Pelajar Tahfiz, Sahsiah

ABSTRACT

A good personality portrays a well-developed tahfiz student. The excellence of tahfiz students is viewed not only on academic and memorisation excellence but also on personality excellence. Tahfiz students with excellent personality are able to perform the sunnah practice without being told and forced. Sunnah practice, such as performing sunnah prayers and sunnah fasting, and reciting al-Quran, dhikr, and salawat, are among the practice influencing tahfiz students' personality formation. However, there is yet a specific study examining the performance of sunnah practice among tahfiz students. Therefore, this study aims to identify the performance level of sunnah practice and its relationship with the personality excellence of tahfiz students. This study is a quantitative study using a survey study design through stratified random sampling of tahfiz students. The data collection method was through the focus group discussion (FGD) technique on 64 tahfiz students aged between 13 to 21 years. Subsequently, the FGD information was analysed. A set of questionnaires was constructed, validated by experts, pilot tested, enhanced, and distributed to 618 tahfiz students (PITAS) in Selangor. The primary study data were analysed descriptively and inferentially. The results of the study found that the level of sunnah practice of tahfiz students is at a moderate level, and there is a significant relationship between the performance of sunnah practice and the personality excellence of tahfiz students. Thus, the sunnah practice instilled in tahfiz students should be monitored continuously and performed consistently. It is to educate tahfiz students that the sunnah practice is not just to comply with the maahad rules but should come from within the tahfiz students themselves.

Keywords

Personality, Sunnah Practice, Tahfiz Students

1.0 Pengenalan

Sahsiah merupakan asas pembinaan minda dan tingkah laku individu ke arah membentuk budi pekerti mulia dan luhur. Sahsiah ialah aspek yang saling mempengaruhi di antara sifat dalaman dan luaran (Imam al-Ghazali 1988) Abdullah Nasih Ulwan (1988) berpendapat bahawa sahsiah merupakan akidah, ibadah, akhlak dan penampilan seseorang individu muslim. Sahsiah juga boleh membina personaliti, akhlak, keperibadian dan kepimpinan seseorang dengan tujuan menjadikan seseorang itu bertamadun, berakal, mempunyai nilai murni dan berdaya maju. Sahsiah juga boleh dipupuk dengan keimanan dan ketakwaan. Muhaidi Haji Mustaffa al-Hafiz et al (2015) mengatakan jika elemen-elemen pembentukan sahsiah dan penghayatan agama ini tidak diterapkan dalam kehidupan seharian sejak awal, maka pelbagai masalah sosial akan timbul.

Dunia hari ini bukan sahaja memerlukan pelajar tahfiz yang mampu menghafaz 30 juzuk dengan lancar sahaja, bahkan memerlukan pelajar yang cemerlang dari segi kepintaran intelektualnya, akhlak dan sahsiah diri yang unggul disamping berdaya maju untuk mengorak langkah menerajui dunia. Perkara penting yang harus diketengahkan adalah kualiti penghafaz al-Quran, bukan semata-mata jumlah kuantiti yang ramai (Zulkifli Mohd Yusof & Nordin Ahmad 2018) kerana penghasilan huffaz yang cemerlang

serta bersahsiah mulia, mampu mengangkat nama dan martabat sesebuah institusi pendidikan tahfiz (Mohd Jamalil et al, 2017).

Bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa strategi boleh dilakukan oleh seorang pelajar tahfiz, antaranya adalah dengan mendidik hati. Strategi mendidik hati boleh dilakukan melalui amalan sunat iaitu solat, membaca al-Quran, berselawat, berdoa dan berzikir, Hal ini kerana amalan agama mempunyai kaitan dengan akidah dan amat penting dalam kehidupan seharian. Dalam konteks akidah, amalan-amalan sunat seperti membaca al-Quran, berzikir dan berselawat dapat melahirkan manusia yang tahan ujian dan berakhlak mulia (Ahmad Munawar Ismail, 2012).

Justeru, amalan sunat merupakan sesuatu yang berkaitan dengan hal akidah dan dilaksanakan sebagai suatu kebiasaan dalam kehidupan seharian. Al-Ghazali (2013) menekankan amalan agama untuk memperoleh akhlak yang terpuji. Sebagai contoh, amalan agama ialah mengerjakan solat, berzikir, membaca al-Quran, berdoa, dan berpuasa. Oleh itu, kajian ini diperlukan untuk menghuraikan kesan amalan sunat terhadap sahsiah pelajar tahfiz.

2.0 Pernyataan Masalah

Melahirkan pelajar tahfiz yang berkualiti bukanlah suatu perkara yang mudah yang boleh dilakukan dengan sambil lewa, memandangkan status pelajar tahfiz semakin dipandang tinggi di mata masyarakat (Ismaruyusda Ishak et al 2016). Amanah untuk melahirkan pelajar tahfiz yang baik dari segi hafazan dan sahsiah adalah suatu perkara yang amat serius. Harapan masyarakat terhadap kualiti sahsiah pelajar tahfiz juga semakin tinggi apabila semakin ramai ibu bapa yang menghantar anak mereka ke institusi tahfiz dengan harapan anak-anak mereka seimbang dari segi hafazan dan sahsiah (Abd Rahman 2011)

Kebanyakan pelajar tahfiz mampu menamatkan hafazan mereka atas sokongan dan teknik yang diketengahkan oleh maahad tahfiz. Namun, isu yang perlu dipandang serius iaitu isu sahsiah pelajar tahfiz, yang mana jika dilihat sekitar lima tahun kebelakangan ini timbul pelbagai isu permasalahan sahsiah di kalangan pelajar tahfiz (Nordin 2015; Intan Zakiah 2018). Permasalahan disiplin dalam kalangan pelajar tahfiz masih berleluasa dan membimbangkan banyak pihak seperti pihak kerajaan, sekolah, ibu bapa dan masyarakat (Roslee Ahmad 2011, Mashira Yahaya 2015). Berdasarkan analisis tembuwal kumpulan berfokus yang dijalankan mendapati terdapat pelajar yang mula sombong apabila tamat hafazan al-Quran, bercakap kasar dengan ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan. Sepatutnya, semakin menghafaz al-Quran, sahsiah pelajar semakin baik namun yang terjadi adalah sebaliknya. Hal ini terjadi disebabkan sebahagian pelajar tahfiz menghafaz sahaja tanpa rasa cinta dan menghafaz hanya untuk menghaabiskan hafazan sahaja. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap amalan sunat pelajar tahfiz dan hubungan dengan sahsiah.

3.0 Amalan- Amalan Sunat

Secara umum, pelajar tahfiz telah didedahkan dan dilatih untuk melakukan amalan-amalan sunat di sekolah atau di tempat mereka belajar. Amalan sunat ialah perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bakti yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT seperti sembahyang, berdoa, membaca Al-Quran, bersedekah, berbuat baik sesama manusia, dan lain-lain (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Amalan sunat yang dijadikan amalan seharian akan membentuk aura diri yang positif kepada pelajar tahfiz. Al-Ghazali (2013) juga menyarankan umat Islam melakukan amalan agama untuk memperoleh akhlak yang terpuji. Sebagai contoh, mengerjakan solat, berzikir, membaca al-Quran, berdoa, menjaga tujuh pancaindera dan menjaga makan minum yang antara halal, haram atau syubhah.

Dalam kajian Mardzelah Makhsin et al (2012) menunjukkan pelajar yang mengamalkan amalan sunat mempunyai tingkah laku dan sahsiah yang positif. Ia akan terlaksana sekiranya proses ini dilakukan secara konsisten dan berterusan (Aminatuzuhairiah, Mohd Farhan, Nor Samsiah 2008). Dapatan kajian Siti Rokiah Abdul Ghani (2007) pula mendapati bahawa tahap amalan-amalan Islam seperti solat mempunyai hubungannya dengan akhlak pelajar dan berada pada tahap tinggi.


Ramli Awang dan Rosmaziah Abdul Kadir (2009), tahap pemahaman pelajar terhadap solat sunat adalah tinggi, namun pelaksanaan solat sunat adalah pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa responden mengetahui dan memahami tentang solat sunat namun kurang dipraktikkan dalam kehidupan. Justeru penekanan terhadap pelaksanaan solat sunat perlu diberi penekanan bagi melahirkan pelajar yang cemerlang.

4.0 Pembentukan Sahsiah

Sahsiah diertikan sama dengan personaliti. Al-Ghazali (1988) membahagikan sahsiah itu kepada personaliti baik dan buruk. Personaliti yang baik mempamerkan sifat mahmudah iaitu yang baik lagi terpuji dan personaliti yang buruk mempamerkan sifat mazmumah. Sahsiah seseorang menggambarkan sifat individu yang membezakannya daripada orang lain (Mu'jam Al-Wasit 1972). Pembentukan sahsiah atau sifat baik lagi terpuji perlulah dibentuk sejak usia kecil dan remaja.

Alam remaja merupakan satu tahap kritikal dalam kehidupan manusia. Tempoh peralihan dari alam kanak-kanak kepada alam dewasa. Pada peringkat ini seseorang akan bertindakbalas kepada tuntutan emosi untuk mencari identiti dan penampilan sendiri. Pada tempoh alam remaja inilah waktu yang sangat perlu untuk membentuk sahsiah remaja. Fariza et al (2013) sahsiah yang baik adalah penting dan boleh dibentuk.). Sahsiah pelajar yang diinginkan adalah sahsiah yang berupaya memelihara hubungan dan adabnya dengan Allah SWT, Rasulullah SAW, diri sendiri, keluarga, rakan dan masyarakat (Muhamad Ali al-Hashimi 2006)

Menjaga hubungan dengan Allah adalah dengan melakukan amalan fardhu adalah wajib, akan tetapi amalan sunat juga perlu untuk melengkapi dan lebih menghayati hubungan dengan Allah. Amalan sunat yang utama yang dititikberatkan adalah solat-solat sunat, puasa sunat, membaca al-Quran, berzikir dan berselawat. Amalan-amalan sunat ini bukan sahaja memberi impak kepada hafazan al-Quran pelajar tahfiz bahkan secara tidak langsung memberi kesan kepada sahsiah pelajar tahfiz. Pelajar tahfiz yang cemerlang mampu membawa personaliti yang baik di mana sahaja mereka berada dan menjaga hubungan dan takwa kepada Allah SWT (Fariza et al 2008)



Rajah 1: Kerangka Kesan Amalan Sunat terhadap pelajar tahfiz

Dalam kajian ini, amalan-amalan sunat seperti solat, berpuasa, membaca al-Quran, berzikir dan berselawat memberi impak positif kepada sahsiah pelajar tahfiz secara tidak langsung. Amalan sunat yang dilakukan setiap hari oleh pelajar tahfiz, sedikit demi sedikit akan meresap menjadi rutin yang konsisten dilakukan setiap hari tanpa disuruh dan dipaksa. Justeru, amalan tersebut akan memberi impak yang positif kepada hafazan al-Quran dan sahsiah pelajar tahfiz.

5.0 Metodologi Kajian

Menurut Creswell et al. (2009) menerangkan rekabentuk kajian ialah perancangan pelaksanaan sesebuah kajian menggunakan kaedah yang terperinci bagi mengumpul dan menganalisis data yang diperolehi dan menjadi panduan kepada penyelidik untuk memilih maklumat bagi menjawab persoalan kajian yang digariskan. Reka bentuk kajian ini adalah berdasarkan kepada kaedah tinjauan yang menggunakan dua teknik pengumpulan data berbeza iaitu teknik pengumpulan data kualitatif yang

menggunakan teknik Temubual Kumpulan Berfokus (FGD) bagi mendapatkan maklumat untuk membina borang soal selidik sebagai alat ukur utama kajian ini (Cohen et al. 2007). Reka bentuk yang menggunakan gabungan dua teknik pengumpulan data berbeza ini dapat meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan data yang dikumpulkan (Creswell 2009) kerana kedua-dua jenis teknik ini mempunyai kelebihan dan kekuatan masing-masing dan melengkapkan data yang dikumpulkan (Dismore & Bailey 2011).

Kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar maahad-maahad Tahfiz di bawah naungan Persatuan Institusi Tahfiz Selangor (PITAS) yang melibatkan seramai 64 orang pelajar yang dipilih sebagai informan Temubual Kumpulan Berfokus (FGD) di 8 maahad yang berlainan di negeri Selangor. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar tahfiz lelaki dan perempuan yang berumur 13 tahun ke atas dan telah berada sekurang-kurangnya satu tahun di maahad tahfiz. Responden yang dipilih juga yang telah memulakan hafazan al-Quran. Peserta yang terlibat dalam sesi ini adalah yang telah mula menghafaz juzuk al-Quran yang berada di 3 tahap yang berbeza iaitu tahap lemah, sederhana dan cemerlang.

Maahad Tahfiz yang dipilih adalah mewakili satu daerah di Selangor adalah seperti berikut:

- 1) Maahad Tahfiz Lil Aytam (Kuang, Rawang)
- 2) Maahad Tahfiz Az-Zahrah (Hulu Langat)
- 3) Maahad Tahfiz Vokasional Aman Bestari (Puchong)
- 4) Maahad Tahfiz Darul Muthiah (Shah Alam)
- 5) Maahad Tahfiz al-Toyyibah (Sungai Merab)
- 6) Maahad Tahfiz Klang (Klang)
- 7) Akademi Syahadah Darul Faizin ASTAF (Kuala Selangor)
- 8) Maahad Tahfiz Al-Firdaus Bukit Changgang (Banting)

Sebelum sesi temubual diadakan, pengkaji telah membuat perundingan awal dengan pihak pengurusan PITAS untuk mendapatkan persetujuan untuk mendapatkan senarai sekolah yang boleh memberi kerjasama untuk menjalankan sesi temubual Kumpulan Berfokus (FGD). Sesi Temubual Kumpulan berfokus (FGD) ini dimulai dengan penyelidik sebagai penemuduga (enumerator) kepada responden untuk memberi taklimat ringkas berkenaan dengan temubual yang dijalankan. Peserta dimaklumkan tentang kerahsiaan maklumat hanya akan digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja. Hal ini memberi gambaran kepada peserta tidak rasa kekok dan segan untuk memberi respon yang segar (fresh) (Meriam 2009). Sesi ini juga dijalankan bersama peserta dari kalangan pelajar sahaja tanpa guru supaya maklumat yang diberi oleh peserta lebih tulen dan tiada batasan. Pelajar tahfiz dikumpulkan kepada kumpulan kecil dan diberi saguhati sebagai tanda penghargaan memberi kerjasama kepada enumerator.

Setelah Temubual Kumpulan Berfokus (FGD) dijalankan, pengkaji menganalisis semua dapatan yang diterima pada kadar segera agar maklumat yang diterima dapat ditranskripsi dan dianalisis dengan baik. Seterusnya, pembinaan soal selidik dibina sendiri oleh pengkaji hasil dari analisis temubual kumpulan berfokus (FGD) dan diedarkan ke 48 buah maahad tahfiz. Sebelum soal selidik diedar, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan kesahan pakar, di uji rintis, disemak dan kemudian diedar kepada 618 pelajar tahfiz di Selangor. Data terkumpul yang diperolehi dari soal selidik dianalisis secara deskriptif melalui SPSS versi 25.

6.0 Dapatan Kajian

6.1 Profil Responden Kajian

Profil responden secara terperinci dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Profil Responden Kajian (N= 618)

Item Demografi	Responden Kajian	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	76.3
	Perempuan	23.7
Umur	13- 15 tahun	44.5
	16-17 tahun	38.5
	18-21 tahun	17.0
Lokasi/Tempat tinggal	Bandaraya	14.0
	Bandar	62.5
	Luar Bandar	17.5
	Pedalaman	6.0
Jumlah juzuk yang dihafaz	1-10 juzuk	45.2
	11-20 juzuk	27.5
	21-30 juzuk	27.3

Berdasarkan jadual 1, responden dari kalangan lelaki lebih ramai berbanding responden perempuan. Dari segi umur, responden paling ramai diantara umur 13-15 tahun dan majoriti responden telah menghafaz juzuk 1 hingga 10. Berdasarkan jadual di atas, kebanyakan responden tinggal di bandar.

6.2 Tahap Amalan Sunat Pelajar Tahfiz di Selangor

Jadual 2: Skor min amalan sunat pelajar tahfiz di bawah naungan PITAS sebelum memasuki maahad tahfiz (N= 618)

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
GA21	Berzikir	3.41	1.27
GA22	Qiamulail (solat) di malam hari	3.64	1.17
GA24	Mengamalkan bacaan surah-surah pilihan	3.79	1.13
GA25	Berselawat	3.26	1.34
GA26	Berpuasa Isnin dan Khamis	3.82	1.20
GA18	Solat sunat Dhuha	3.62	1.11

Dalam jadual 2 menunjukkan tahap amalan-amalan sunat pelajar tahfiz. Amalan sunat yang diukur merupakan satu amalan yang lazim dilakukan oleh pelajar di maahad. Dapatan menunjukkan bahawa tahap minat menghafaz pelajar tahfiz secara keseluruhannya sederhana.

Item GA26 “berpuasa Isnin dan Khamis” dan GA24 “mengamalkan bacaan surah-surah pilihan” mempunyai nilai min yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa amalan berpuasa sunat Isnin dan Khamis dan “membaca surah pilihan lazim dilakukan dan sehati dalam diri pelajar tahfiz. Manakala nilai min yang paling rendah merujuk kepada item GA25 “berselawat”. Ini menggambarkan amalan berselawat jarang diamalkan oleh pelajar tahfiz.

6.3 Hubungan Amalan Sunat dengan Kecemerlangan Sahsiah Pelajar Tahfiz

Jadual 3 dan 4 menunjukkan hubungan antara amalan sunat dengan kecemerlangan sahsiah pelajar tahfiz. Analisis korelasi pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana tinggi ($r = 0.638$, $p < 0.00$).

Jadual 3: Korelasi Amalan Sunat dengan kecemerlangan hafazan Sahsiah Pelajar Tahfiz

Hubungan	R	Sig. P
Amalan Sunat / Sahsiah	0.638	0.00

Jadual 4: Korelasi Amalan Sunat dengan kecemerlangan sahsiah pelajar tahfiz

	GA 18 Ber zikir	GA21 Qiyam ulail	GA22 Amalkan surah pilihan	GA24 Berselawat	GA25 Berpuasa Isnin Khamis	GA26 Solat sunat dhuha
GA2 Bercakap perkara baik	.445 **	.373**	.433**	.406**	.362**	.392**
GA3 Menghormati guru	.481 **	.416**	.429**	.430**	.376**	.432**
GA4 Menghormati orang lain	.452 **	.408**	.415**	.403**	.356**	.416**
GA5 Muhasabah diri	.460 **	.439**	.462**	.494**	.373**	.440**

7.0 PERBINCANGAN KAJIAN

Amalan sunat mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecemerlangan sahsiah pelajar tahfiz. Selari dengan dapatan kajian-kajian lepas yang mendapati amalan solat, zikir, berpuasa dan membaca al-Quran dapat membentuk keperibadian pelajar dari aspek peningkatan kecerdasan emosi, regulasi sendiri dan motivasi diri dan langkah memperkukuhkan sahsiah (Ahmad Kilani et al 2004; Sabri et al 2004) dan memberi ketenangan (Santibuana 2019).

Al-Ghazali (2013) berpendapat bahawa amalan ibadah atau ini adalah cara paling berkesan untuk membentuk nilai, sikap dan tingkah laku seseorang. Amalan Ibadah yang dimaksudkan adalah amalan sunat seperti ibadah solat, puasa, membaca al-Quran dan zikir. Amalan bermaksud perihal mengamalkan, kesungguhan hati mengerjakan sesuatu atau melaksanakan (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005).

Pelajar tahfiz secara umumnya telah dilatih dan didedahkan dengan amalan-amalan ibadah sunat di sekolah. Jadual harian mereka dipadatkan dengan amalan ibadah yang mendekatkan diri kepada Allah SWT. Kesan dari itu, pelajar secara perlahan-lahan akan dapat menghayati dan menjadikan ibadah yang pada mulanya dilakukan secara sambil lewa atau dipaksa oleh guru dan pihak sekolah kepada ibadah yang dilakukan tanpa disuruh terutama solat yang menjadi tunggak agama Islam.

Analisis korelasi pearson menunjukkan hubungan antara amalan sunat dengan kecemerlangan sahsiah pelajar tahfiz pada tahap sederhana tinggi. Hal ini membuktikan amalan sunat mempengaruhi dalam kecemerlangan sahsiah pelajar tahfiz.

Amalan solat dapat mencegah perbuatan yang keji dan merupakan kunci hati (al-Ghazali 2013), membersihkan dan menginsafkan manusia (Mashira Yahaya 2015); Salasia Hanin Hamjah (2008), membentuk keperibadian pelajar dari aspek peningkatan kecerdasan emosi, regulasi sendiri dan motivasi diri (Sabri et al 2004). Menurut al-Ghazali (1988) segala pergerakan, perlakuan dan amalan zahir berkaitan solat bermula dari azan, takbir, penyempurnaan rukun termasuk rukuk, sujud, tasyahhud, solat fardhu dan sunat, solat secara berjemaah, kesemuanya mengandungi rahsia tersendiri untuk tujuan pembersihan jiwa dan pembentukan peribadi manusia. Ini terhasil dengan solat yang bernyawa dan hidup batinnya dengan adanya khusyuk, niat, hati yang hadir, ikhlas. Solat memberi kesan yang besar kepada kesejahteraan kerohanian seseorang kerana ia tunggak keyakinan dan merupakan jalan utama mendekatkan diri kepadaNya (al-Ghazali 1993). Kesan solat terhadap pembentukan sahsiah boleh difahami melalui tiga proses solat itu didirikan iaitu ketika laungan azan berkumandang, mengambil wuduk dan pelaksanaan solat. Sebagaimana ibadah lain, solat yang sempurna mampu menghapuskan dosa individu. Walau bagaimanapun, penghapusan dosa ini memerlukan kepada kesungguhan seseorang itu dalam menunaikannya termasuk termasuk niat yang sungguh-sungguh serta hendaklah dilakukan secara berterusan.

Berdasarkan hasil kajian diatas, terdapat korelasi yang signifikan antara amalan sunat dengan kecemerlangan sahsiah namun nilai korelasi agak rendah berbanding dengan item lain. Hal ini dapat dirumuskan bahawa amalan solat sunat seperti Qiyamulail dan Solat Sunat Dhuha sudah menjadi kelaziman dalam diri pelajar namun kurang dari sudut penghayatan solat tersebut. Oleh itu, amalan solat sunat ini diteruskan akan tetapi perlu ditingkatkan dari aspek kesedaran dan impak mendirikan solat sunat.

Puasa adalah di antara ibadah khusus yang mempunyai banyak hikmah serta mampu membimbing manusia ke arah pembentukan sahsiah yang mulia. Selain dikategorikan sebagai ibadah khusus di dalam Islam, puasa mampu menjadi sumber kesihatan rohani dan jasmani manusia. Selain proses menahan lapar, dahaga dan beberapa larangan lain ketika berpuasa, sifat kasih sesama insan akan lebih terzahir pada diri seorang yang berpuasa dengan cara memenuhi semua tuntutan dan keperluan untuk dilaksanakan ketika berpuasa. Puasa menjadi pendorong kepada amal kebajikan yang lain. Puasa sebagai satu alterantif kerohanian untuk melatih pelajar tahfiz. Pelajar yang tinggi aktiviti kerohaniannya lebih cemerlang hafazan dan sahsiahnya. Di setiap maahad tahfiz menggalakkan pelajaranya berpuasa sunat untuk melatih jiwa pelajar agar sabar dan tinggi penghayatan agama dan secara tidak langsung memberi kesan positif terhadap sahsiah pelajar tahfiz.

Hasil dari dapatan kajian menunjukkan berpuasa Isnin dan Khamis mempunyai nilai korelasi antara amalan sunat dengan sahsiah yang lebih rendah berbanding dengan item yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa amalan berpuasa Isnin dan Khamis tidak menyumbang secara langsung kepada sahsiah. Kemungkinan pelajar berpuasa Isnin dan Khamis atas saranan dan kewajipan dari pihak sekolah, namun masih kurang penghayatan dalam diri untuk mendidik hati pelajar tahfiz. Oleh itu, kesedaran dari pihak sekolah ke atas diri pelajar tahfiz harus ditingkatkan agar amalan berpuasa tersebut akan mempengaruhi sahsiah pelajar tahfiz.

Di samping pelajar tahfiz menghafaz 30 juzuk al-Quran, pihak maahad juga menjadikan amalan bacaan surah pilihan sebagai satu cara mendidik jiwa pelajar dengan melazimi ayat-ayat al-Quran seperti surah Yaasin, al-Kahfi, al-Mulk, al-Waqiah surah-surah lain-lain di samping memberi kefahaman kepada pelajar tentang kelebihan mengamalkannya. Membaca surah pilihan tidak menjadi kesukaran kepada pelajar tahfiz kerana pelajar tahfiz telah biasa menghafaz ayat al-Quran, namun memerlukan amalan yang berterusan agar amalan ini sebatu dalam diri setiap pelajar tahfiz. Di samping amalan membaca al-Quran yang berterusan, penghayatan juga diperlukan agar pelajar lebih mendalami dan menghayati ayat suci al-Quran yang dibaca dan dihafaz. Penghayatan al-Quran boleh diperolehi dengan cara pelajar mentadabbur ayat dan surat tersebut dan mengetahui sirah yang terkandung dalam surah. Dengan itu, Pelajar lebih mencintai al-Quran kerana memahami dan menghayati apa yang terkandung dalam al-Quran.

Amalan berzikir dan berselawat mendapat nilai min yang terendah di antara amalan sunat yang lain. Bagi melatih pelajar tahfiz melazimi selawat dan zikir memerlukan latihan yang berulang-kali. Berzikir dan berselawat mampu membekalkan sifat kesabaran, kesyukuran, keberanian, ketabahan, sifat mulia diri, yakin dengan kebolehan sendiri, bertanggungjawab dan suka membantu orang lain (Norhafizah 2007). Amalan berzikir kepada Allah SWT merupakan suatu kaedah untuk memelihara jiwa manusia agar tidak mudah terpengaruh dengan godaan syaitan yang menghasut manusia melakukan perbuatan yang keji (Salasiah Hanin Hamjah 2008), memberi kesan positif kepada diri pelajar dan dapat memulihkan tingkah laku pelajar (Khalim & Wan Zulkifli 2009), membentuk akhlak mulia, hati yang sentiasa subur, jiwa menjadi tenang kerana mempunyai hubungan yang terus dengan Allah SWT (al-Ghazali 2013) membuka mata hati agar tidak mati, melembutkan hati-hati yang keras, jiwa tidak kosong dan memudahkan manusia menerima petunjuk Allah SWT. (Muhammad Ray Akbar 2006).

Namun berdasarkan hasil korelasi kajian, berzikir dan berselawat adalah sangat tinggi antara amalan sunat dengan sahsiah pelajar. Hal ini menunjukkan apabila pelajar tahfiz dapat mendidik hati dengan berzikir dan berselawat ia akan sebatu dalam diri pelajar tahfiz dan secara tidak langsung memberi pengaruh yang kuat terhadap sahsiah pelajar tahfiz. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa, pelajar tahfiz perlu lebih menghayati perbuatan zikir dan berselawat.

8.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, amalan-amalan sunat yang dilakukan oleh pelajar tahfiz bukan sekadar hanya mematuhi peraturan maahad tahfiz semata bahkan ia perlu hadir dalam diri pelajar tahfiz. Ia dapat dilihat dan diukur apabila pelajar tahfiz pulang ke rumah atau tidak berada di kawasan maahad, pelajar akan membawa sahsiah yang baik tersebut sebagai identiti diri tanpa dinilai oleh guru atau ibu bapa. Itu adalah satu kayu ukur bahawa pelajar mempunyai sahsiah yang baik. Pelajar tahfiz yang mempunyai pegangan agama yang tinggi mampu mengatur kehidupannya dengan lebih tenang, sempurna dan sejahtera (Atikah Osman & Siti Aishah Yahya 2018). Justeru, amalan-amalan sunat yang dilatih dan dilakukan perlu diteruskan bagi melahirkan pelajar tahfiz yang cemerlang sahsiah di dunia dan akhirat.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada penaja kajian ini iaitu Dana Cabaran Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia (kod geran: DCP 2017-011/1). Jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan PITAS (Persatuan Institut Tahfiz Selangor), guru-guru maahad tahfiz dan pelajar tahfiz yang terlibat atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa & Siti Aishah Suhaimi 2012. Islam dan pembentukan jati diri bangsa Melayu, Jurnal Hadhari Special Edition.

Al-Ghazali. 2013. Ihya Ulumuddin. Jil 1,2,3,4. Cetakan Ketujuh. Terj TKH Ismail Yakub MA-SH. Singapore. Pustaka Nasional Pte Ltd.

Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh. 2014. Hubungan antara adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar. The Online Journal of Islamic Education. July 2014 issue 2.

Bhasah Abu Bakar 2015 Amalan Sunnah dalam kalangan awal remaja. Sunnah Nabi Realiti dan Cabaran Semasa.

Ismarulyusda, NorMalia A.W. Farah Wahida I. Siti Nur Rasyidah M.R, Sabri. 2016. Kesan bacaan al-Quran terhadap kesihatan dan tahap kecerdasan dlm Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran, disunting oleh Mohd Yaakub, Zulkifli Mohd Yusoff & Nordin Ahmad, Kuala Kubu Bahru, Darul Quran Jakim.

Mardzedlah Makhsin, Ab Halim Tamuri. Mohd Aderi Che Noh & Mohamad Fadhli Ilias. 2012. Hisbah pembelajaran sendiri dalam pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*.

Mashira Yahaya & Aimi Dalila Ahmad Yatim. 2015. Kesan Amalan Agama Ke Atas Pelajar Delinkuen Melalui Modul Spiritual Pemantapan Sahsiah (Mospes) *Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 14*

Mohd Jamalil Ismail, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Nor Hafizi Yusof 2017. Strategi Kecemerlangan Institut Pendidikan Tahfiz Al-Quran di Malaysia: Satu tinjauan Literatur.

Muhammad Rodhi 2013. Studi Analisis Pemikiran Al-Ghazali tentang pendidikan karakter anak dalam kitab ayyuhal Walad. Sarjana. Institut Agama Islam Wali Songo

Murihah abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Ariff Salleh Rosman Mohd Faez ilias, 2015. Strategi Awal Menghafaz Al-Quran Menurut Abu Dzar Al-Qalamuni.

Nik Safiah Nik Abdullah Selamah Maamor Abdullah Abd Ghani Norazlina Abd Wahab Mohd Shahril Ahmad Razimi Ahmad Bashir Aziz NorHanim Elias. 2015. Kepentingan Elemen Kerohanian Dalam Perlaksanaan Aktiviti Di Mrsm Ulul Albab: Kajian Kes Di Mrsm Gemenchek, Negeri Sembilan *Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship (GBSE) Vol. 1: no. 2*

Santibuana Abd Rahman, Ismarulyusda Ishak, Normalia Abd Warif, Farah Wahida Ibrahim, Normah Che Din, Dzalani Harun, Ahmad Rohi Ghazali, Sabri Mohamed. 2019. Hubungan antara Hafazan al-Quran dan Kualiti Pelajar Tahfiz di Selangor Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia Isu Khas*.

Udah Mohsin.1986. Kesan Ibadah Dalam Pembangunan Akhlaq Seorang Muslim. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.

Muhaidi Hj Mustaffa. 2010. Hafalan al-Quran dan Hubungannya dengan Kecemerlangan Pelajar: Kajian di maahad tahfiz al-Quran Pulau Chondong. Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007. *Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya*.

Nordin Ahmad. 2015. Memperkasa Darul Quran ke arah memartabatkan Pendidikan Tahfiz di Malaysia. Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz ke IV, Darul Quran JAKIM. Bangi.

Salasiah Hanin, Ermy Azziaty, Rosmawati & Zainab (2012) Perkaitan Amalan Spiritual Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. 4(2), 51-60.

Imam Al-Ghazali. 1988. Tahzib Ihya Ulumuddin. Kaherah. Darul Tauzi'. Wan Nasyar Al-Islamiah

Abdullah Nasih Ulwan.1988. Pendidikan Anak dalam Islam. Terj Singapura. Pustaka Nasional

Ahmad Kilani Mohamed, Siti Norlina Muhammad & Normala Hashim. 2012. Pendidikan al-Quran kearah pembangunan Insan Rabbani. Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam. Johor Darul Takzim.

Creswell. J.W. 2005. Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches. London. UK. Sage.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor Persekitaran Sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. Jurnal Hadhari Special Edition:

Cohen, L, Manion, L & Morrison, K, 2002. Research Methods in education. Routledge

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Abdul Rahman Ahmad. 2006. Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa dalam Konteks Organisasi di Malaysia. Alor Setar: Human Resources Academy

Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd Jurairu Sharifudin,2013. personaliti dari perspektif al-Ghazali, cet 2. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi